



## UPM Hasil Teknologi Hijau Biogas Dengan Industri



JEMPOL, 22 Februari – Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menghasilkan teknologi hijau biogas atau penjanaan elektrik mesra alam dengan menggunakan sisa efluen kilang sawit untuk menghasilkan tenaga elektrik.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili berkata projek UPM dengan kerjasama Kyushu Institute of Technology itu telah dikomersialkan FELDA di bawah Mekanisme Pembangunan Bersih meliputi penjanaan tenaga elektrik sebagai tenaga hijau dan diperbaharui untuk dijual kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB).



“Projek usahasama universiti-industri ini bermanfaat kepada negara kerana merupakan salah satu usaha memelihara alam sekitar dengan membantu menukar bahan buangan kepada sumber kekayaan,” katanya ketika melawat loji biogas kilang sawit FELDA Serting Hilir baru-baru ini.

Beliau berkata kementerianya sedang mengkaji untuk memberikan insentif kepada pihak yang membangunkan teknologi tersebut untuk menggalakkan pembangunan inovasi dalam bidang berkenaan.



Sementara itu, Dekan Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul UPM, Profesor Dr. Mohd Ali Hassan berkata projek perintis berskala komersial sebanyak RM5 juta itu mampu menjana antara 500kW-1MW tenaga elektrik dengan jangkamasa pembayaran balik kurang daripada lima tahun.

“Projek ini mempunyai model perniagaan yang menarik dan dapat menjadi sumber keuntungan baru kepada industri sawit negara dengan menyumbang kepada negara bagi mengurangkan pembuangan karbon yang mengakibatkan pencemaran,”katanya.

**Berita ini ditulis oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM.(Noor Eszereen Juferi-89466013).**